



07 JAN, 2020

HRDF lulus bantuan kewangan RM700j

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

HRDF lulus bantuan kewangan RM700j

Kuala Lumpur: Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) meluluskan bantuan kewangan berjumlah RM700 juta bagi menyokong satu juta pusat latihan tahun lalu iaitu pertumbuhan sebanyak 18 peratus berbanding 2018.

Malah, HRDF turut meningkatkan jumlah program pensijilan yang diluluskan sebanyak 17.7 peratus kepada 51,193 pusat latihan pada tempoh sama.

Pengerusi HRDF, Datuk Noor Farida Mohd Ariffin berkata, HRDF sebagai agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia akan terus memainkan peranan penting dalam memupuk bakat rakyat di negara ini.

Beliau berkata, ia akan dilaksanakan menerusi program kemahiran pembangunan dan peningkatan kapasiti sejajar dengan mandatnya yang diberikan oleh kerajaan.

"Dalam usaha memperkuuh tadbir urus, ketelusuran dan penguatkuasaan, HRDF meningkatkan



NOOR Farida

lawatan penguatkuasaan hampir 10 kali ganda daripada 522 lawatan pada 2018 kepada 5,466 tahun lalu.

"HRDF juga memperluaskan capaian kepada 29,701 majikan yang menyediakan perkhidmatan kepada 2.43 juta pekerja di negara ini.

"Dengan pencapaian pada tahun lalu, saya gembira untuk berkongsi kejayaan agensi ini yang menyaksikan pertumbuhan besar membuktikan komitmen dalam menyokong pembangunan modal insan negara," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.



07 JAN, 2020

HRDF lulus bantuan kewangan RM700j

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) meluluskan bantuan kewangan berjumlah RM700 juta bagi menyokong satu juta pusat latihan tahun lalu iaitu pertumbuhan sebanyak 18 peratus berbanding 2018. Malah, HRDF turut meningkatkan jumlah program pensijilan yang diluluskan sebanyak 17.7 peratus kepada 51,193 pusat latihan pada tempoh sama. Pengerusi HRDF, Datuk Noor Farida Mohd Ariffin berkata, HRDF sebagai agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia akan terus memainkan peranan penting dalam memupuk bakat rakyat di negara ini.